

Kod Etika

Kumpulan Etika



Kod Etika Dalam Satu Halaman

4 Pengenalan

- 5 Pematuhan dan kod beretika
- 6 Panduan am
- 8 Cara melaporkan pelanggaran Kod Etika ini

9 Pelanggan

Kami memberikan kepuasan kepada pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang terbaik

- 10 Kami memberi tumpuan kepada keselamatan, kualiti produk dan perkhidmatan
- 11 Kami berusaha untuk memperbaharui produk dan perkhidmatan
- 12 Kami telus dengan pelanggan dan pengguna
- 13 Kami terlibat secara bertanggungjawab dengan pelanggan dan pengguna

14 Pekerja

Kami memupuk budaya tempat kerja yang menyokong peningkatan diri dan syarikat

- 15 Kami menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan positif
- 16 Kami tidak bertolak ansur terhadap pembuli, diskriminasi atau gangguan seksual
- 17 Kami mencari peluang untuk berkembang dan maju

18 Masyarakat

Kami menyumbang ke arah kelestarian masyarakat menerusi perjalanan perniagaan

- 19 Kami menghormati hak asasi manusia
- 20 Kami berusaha ke arah mengurangkan kesan alam sekitar dan mewujudkan nilai alam sekitar di kalangan masyarakat
- 21 Kami tidak bertolak ansur dengan rasuah, suapan atau sumbangan politik yang tidak wajar
- 22 Kami mensyaratkan tanggungjawab sosial korporat merentasi rantaian bekalan

23 Rakan kongsi

Kami membina persefahaman yang menjana pertumbuhan bersama

- 24 Kami membina hubungan perniagaan yang sihat dengan rakan kongsi
- 25 Kami mematuhi dasar mengenai hadiah dan hiburan
- 26 Kami mencegah pengubahan wang haram dan hubungan dengan unsur jenayah terancang
- 27 Kami menyokong persaingan yang adil dalam pasaran
- 28 Kami mematuhi undang-undang sekatan, perdagangan dan kawalan eksport

29 Pemegang Saham

Kami meningkatkan nilai saham menerusi pertumbuhan untung berterusan dan lestari dan menggandakan pulangan pemegang saham

- 30 Kami melindungi jenama dan aset kami
- 31 Kami mengelak konflik kepentingan
- 32 Kami mengurus maklumat kami dengan selamat
- 33 Kami membuat pendedahan yang tepat pada masa yang sesuai dan adil
- 34 Kami melengkapkan pelaporan kewangan yang betul dan menyimpan rekod yang betul
- 35 Kami tidak terlibat dengan perdagangan orang dalam



Pengenalan

Pengenalan

- 5 Pematuhan dan kod beretika
- 6 Panduan am
- 8 Cara melaporkan pelanggaran Kod Etika ini

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham



Pematuhan dan kod beretika

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Di Etika , pematuhan adalah teras kepada semua yang kami lakukan.

Kami mematuhi semua undang-undang dan peraturan negara tempat kami menjalankan perniagaan.

Kami juga percaya bahawa **bertindak secara beretika dan berintegriti** adalah penting untuk mempertahankan kepercayaan pihak berkepentingan.

Soalan berikut boleh digunakan sebagai panduan untuk anda bertindak secara beretika dan berintegriti, walaupun anda mungkin tidak pasti tentang undang-undang dan peraturan khusus yang terpakai berhubung dengan situasi tertentu.

5 soalan yang membantu untuk membuat keputusan

1 Adakah perbuatan itu sah di sisi undang-undang?

2 Adakah perbuatan itu mengikut Falsafah Kumpulan Etika ?

3 Adakah perbuatan itu akan dipandang serong oleh pelanggan, pengguna, pihak berkepentingan lain dan masyarakat?

4 Jika saya melakukan perbuatan itu, bolehkah saya tidur lena di waktu malam?

5 Bolehkah saya menjelaskan perbuatan itu tanpa ragu-ragu kepada keluarga atau rakan saya?

Jika jawapan kepada mana-mana soalan ini ialah “tidak” atau anda tidak pasti, anda harus **berunding dengan pengurus barisan hadapan atau pasukan undang-undang/pematuhan tempatan anda** sebelum melakukan tindakan tersebut.



Panduan am

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Apakah tujuan Kod Etika ini?

Kod Etika ini telah diwujudkan untuk menyelaraskan standard minimum bagi tingkah laku yang diharapkan merentasi pelbagai topik dalam Kumpulan Etika .

Melalui pematuhan terhadap Kod Etika ini, kita akan dapat memelihara reputasi sebagai sebuah syarikat yang dihormati dan membantu untuk mencapai Falsafah Kumpulan Etika .

Falsafah Kumpulan Etika terdiri daripada Misi , Visi , Nilai-nilai dan Prinsip Kami seperti yang dinyatakan di bawah.

Falsafah Kumpulan Etika

MISI	Menceriakan kehidupan pengguna dengan menunaikan janji untuk menawarkan produk yang terbaik	
VISI	Mencipta nilai baharu di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, berkembang sejajar dengan jenama tersohor	
NILAI - NILAI	Cabaran dan inovasi	
	Mengecapi Kecemerlangan	
	Berkongsi ilham	
PRINSIP	Membina jenama bersama dengan rakan kongsi	
	Pelanggan	Memberikan kepuasan kepada pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang terbaik
	Pekerja	Memupuk budaya tempat kerja yang mendukung pertumbuhan diri dan syarikat
	Masyarakat	Menyumbang ke arah kelestarian masyarakat menerusi perjalanan perniagaan
	Rakan kongsi	Membina persefahaman yang menjana pertumbuhan bersama
	Pemegang Saham	Meningkatkan nilai saham menerusi pertumbuhan untung berterusan, berlestari dan menggandakan pulangan pemegang saham

Kod Etika ini disokong oleh pelbagai prinsip yang dipautkan ke dalam dokumen ini untuk memberi maklumat tambahan kepada semua.



Panduan am

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Adakah Kod Etika ini terpakai kepada saya?

Kod Etika ini terpakai kepada **semua pengarah, pegawai, pekerja Kumpulan Etika, serta kakitangan sementara yang perlu mematuhi prinsip dan prosedur.**

Semua pengarah, pegawai, pekerja serta kakitangan sementara dikehendaki mematuhi prinsip dan prosedur serta membiasakan diri dengan keperluan dan bertindak mengikut Kod Etika ini.

Kod Etika ini tidak bertujuan untuk menggantikan undang-undang dan peraturan di setiap tempat kita beroperasi di seluruh dunia. Dalam keadaan di mana undang-undang dan peraturan tempatan berbeza dengan apa yang terkandung dalam Kod Etika ini, undang-undang dan peraturan tempatan akan terpakai.

Jika isu yang anda hadapi tidak diliputi di dalam Kod Etika ini, anda digalakan untuk menggunakan "5 soalan yang tersebut diatas untuk membantu anda membuat keputusan".

Anda mesti **merujuk pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda** dan bertindak mengikut semangat Kod Etika ini apabila:

- anda mempunyai soalan tentang aplikasi undang-undang atau peraturan tertentu;
- anda mempunyai soalan tentang cara mentafsir Kod Etika ini; atau
- anda ragu-ragu tentang kod etika dan pematuhan.

Pengarah, pegawai dan pengurus mempunyai tanggungjawab yang lebih untuk memimpin melalui teladan. Mereka diharapkan agar mewujudkan persekitaran yang mengutamakan etika dan pematuhan terhadap Kod Etika ini dan membolehkan pekerja membincangkan perkara yang membimbangkan tanpa rasa takut akan tindakan balas.

Apakah yang akan berlaku jika saya tidak mematuhi Kod Etika ini?

Sesiapa sahaja yang tidak mematuhi Kod Etika ini, atau yang memberi kuasa atau membenarkan orang lain untuk melanggar Kod Etika ini akan bertanggungjawab atas tindakan mereka dan tertakluk kepada tindakan tatatertib. Beberapa pelanggaran Kod Etika ini mungkin juga akan dikaitkan dengan potensi liabiliti sivil dan jenayah, termasuk bagi individu yang terlibat dalam pelanggaran.



Cara melaporkan pelanggaran Kod Etika ini

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Untuk memastikan kita melakukan perkara yang betul dalam semua situasi (termasuk mengenal pasti dan membetulkan isu secara proaktif dan membetulkan isu yang telah berlaku sebaik sahaja ia dikenal pasti), **semua pengarah, pegawai dan pekerja mempunyai kewajiban untuk melaporkan sebarang pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki terhadap Kod Etika ini** oleh pengarah, pegawai, pengurus, pekerja dan juga (jika berkenaan) ejen dan rakan kongsi perniagaan.

Jika anda:

- mempunyai kebimbangan atau melihat atau mendengar tentang sebarang pelanggaran atau pelanggaran yang disyaki terhadap Kod Etika ini, atau
- menerima arahan atau permintaan yang tidak beretika, tidak mematuhi atau sebaliknya melanggar Kod Etika ini,

anda harus:

- Berbincang dengan pengurus barisan hadapan anda terlebih dahulu.
- Jika anda tidak selesai bercakap dengan pengurus barisan hadapan anda atau anda telah bercakap dengan mereka tetapi anda masih bimbang, bincangkan perkara itu dengan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan atau gunakan talian bantuan dalaman lain yang terdapat di syarikat anda;
- Jika anda tidak selesai untuk melaporkan kebimbangan anda secara dalaman atau ingin kekal rahsia, laporkan kebimbangan anda melalui Speak Up, satu sistem yang dikendalikan oleh pihak ketiga bebas yang bersifat rahsia dan boleh digunakan secara rahsia, atau gunakan perkhidmatan laporan luar tempatan lain yang tersedia di syarikat anda.

Butiran lanjut tentang bagaimana untuk mengutarakan kebimbangan berkaitan pelanggaran kepada Kod Tingkah Laku atau tingkah laku yang tidak wajar lain boleh ditemui dalam Dasar Asahi Speak Up. Semua laporan akan dirahsiakan dan diperlakukan secara serius dan penyiasatan akan dijalankan mengikut Prinsip Asas Kumpulan Asahi mengenai Penyiasatan Pemberitahuan.

Sila fahami bahawa tindakan balas atau ancaman terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan dengan jujur atau membantu dalam penyiasatan tidak akan ditoleransi dan harus dilaporkan.

Tindakan-tindakan sedemikian, serta membuat laporan palsu, akan dianggap sebagai pelanggaran terhadap Kod Tingkah Laku ini dan akan dikenakan tindakan disiplin.



Pelanggan

Kami memberikan kepuasan kepada pelanggan dengan menawarkan produk dan perkhidmatan yang terbaik

Pengenalan

Pelanggan

- 10 Kami memberi tumpuan kepada keselamatan, kualiti produk dan perkhidmatan
- 11 Kami berusaha untuk memperbaharui produk dan perkhidmatan
- 12 Kami telus dengan pelanggan dan pengguna
- 13 Kami terlibat secara bertanggungjawab dengan pelanggan dan pengguna

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham



Kami memberi tumpuan kepada keselamatan, kualiti produk dan perkhidmatan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kunci utama untuk mencapai Misi dalam “menceriakan kehidupan pengguna adalah dengan menunaikan janji untuk menawarkan produk yang terbaik” dan memberi tumpuan kepada keselamatan dan kualiti produk dan perkhidmatan. Ianya selaras dengan Nilai-nilai Kami untuk “Mengecapi kecemerlangan”.

Kami mengekalkan kepercayaan pelanggan dan pengguna dengan menyasarkan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi secara konsisten serta memenuhi semua piawaian dan peraturan yang berkenaan.

Kami komited terhadap peningkatan kualiti yang berterusan untuk “melangkaui harapan” pelanggan dan pengguna dan akan bertindak balas dengan cepat kepada maklum balas mengenai keselamatan dan kualiti.



Apa patut saya buat?

- Ikuti prosedur pembuatan yang baik dan sistem pengurusan kualiti untuk memastikan semua produk kita selamat untuk digunakan.
- Segera laporkan sebarang maklum balas atau kebimbangan mengenai keselamatan atau kualiti produk dan perkhidmatan kita kepada pengurus barisan hadapan.
- Sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kita.

Soalan

Rakan saya memberitahu bahawa pembuka botol promosi yang disertakan dengan produk kita rosak pada kali pertama mereka menggunakannya.

Apa patut saya buat?

Seorang pelanggan menghubungi saya untuk memberitahu bahawa rasa produk kita berbeza daripada biasa. Pelanggan tidak meminta saya melakukan apa-apa tindakan dan tidak kelihatan sakit. Saya mempunyai kerja lain untuk dilakukan, jadi saya berhasrat untuk menyimpan maklumat ini untuk diri saya sendiri sahaja buat masa ini.

Adakah ini betul?

Jawapan

- Kita menyasarkan untuk menyediakan produk berkualiti tinggi secara konsisten, termasuk item promosi dan produk sampel yang diberikan kepada pelanggan dan pengguna.
- Anda harus segera melaporkan isu tersebut kepada pasukan pemasaran tempatan atau pengurus barisan hadapan anda.

- Kita komited untuk bertindak balas dengan cepat kepada maklum balas mengenai keselamatan dan kualiti.
- Kelewatan dalam menangani maklum balas pelanggan yang sedemikian boleh mengakibatkan insiden kualiti yang lebih serius.
- Anda harus mengutamakan untuk menangani maklum balas pelanggan ini berbanding kerja lain dan melaporkan kepada pengurus barisan hadapan anda dengan segera.

Kami berusaha untuk memperbaharui produk dan perkhidmatan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Inovasi adalah asas untuk mencapai Misi dalam “menceriakan kehidupan pengguna dengan menunaikan janji kita untuk menawarkan produk yang terbaik”, dan kami berbangga dengan Nilai-nilai “Cabaran dan inovasi” ini.

Ini penting agar cita rasa, pilihan serta kehendak pelanggan, pengguna dan masyarakat terus meningkat.

Oleh itu, kita perlu sentiasa mencari jalan untuk membangunkan produk baru dan meningkatkan perkhidmatan kita untuk memuaskan pelanggan dan pengguna serta melangkaui jangkaan mereka.



Apa patut saya buat?

- Mengambil maklum sebarang perubahan dalam cita rasa yang merangkumi perniagaan kita dalam komuniti yang lebih luas.
- Memberi maklumbalas sekiranya melihat adanya peluang untuk memperbaiki atau mencabar cara berfikir atau perlakuan yang konvensional.
- Memberikan idea yang bernas bagi meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan.
- Mencari peluang untuk menambahbaik jenama yang sedia ada dan berkembang ke bidang baharu.

Soalan

Saya tidak bekerja untuk pemasaran, tetapi saya baru sahaja memikirkan idea untuk produk baharu yang saya rasa mungkin mendapat sambutan.

Apa patut saya buat?

Saya perhatikan bahawa produk kita menggunakan pembungkusan berlebihan yang tidak mesra alam.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Inovasi dialu-alukan dalam semua bidang perniagaan dan idea untuk produk baharu boleh datang daripada mana-mana pekerja.
- Anda harus memaklumkan kepada pengurus barisan hadapan anda supaya idea itu boleh diterokai dengan lebih lanjut.

- Kita komited terhadap inovasi merentasi semua bahagian perniagaan, termasuk pembungkusan.
- Walaupun mungkin terdapat sebab yang sah untuk pilihan pembungkusan semasa, adalah penting untuk bersuara jika melihat peluang untuk mencabar cara berfikir atau perlakuan yang konvensional.
- Anda harus memaklumkan kepada pengurus barisan hadapan tentang pemerhatian anda supaya inovasi pembungkusan yang baru boleh dipertimbangkan.

Kami telus dengan pelanggan dan pengguna

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Sebagai sebuah syarikat makanan dan minuman yang dipercayai, kami sedar akan tanggungjawab bagi membolehkan pelanggan dan pengguna membuat pilihan yang bermaklumat.

Kami mengekalkan kepercayaan pelanggan dan pengguna dengan memberikan maklumat yang tepat tentang produk dan perkhidmatan, termasuklah mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan pelabelan dan pemasaran.



Apa patut saya buat?

- Pastikan produk dan perkhidmatan yang kita pasarkan tepat dan telus.
- Telus dalam semua komunikasi langsung dengan pelanggan dan pengguna.
- Mengikut prosedur kelulusan dalaman sebelum mengeluarkan sebarang kandungan mengenai produk kepada pengguna, termasuk pelabelan produk.

Soalan

Saya bimbang tentang label produk yang mencadangkan kita menggunakan bahan yang tidak digunakan dalam resipi untuk produk tersebut.

Apa patut saya buat?

Seorang pengguna telah bertanya negara asal bahan yang digunakan dalam produk kita kerana mereka secara peribadi memboikot produk yang berkaitan dengan negara tertentu.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita bertanggungjawab memaklumkan tentang produk dengan jujur dan tidak mengelirukan pengguna.
- Anda harus menghubungi pengurus barisan hadapan anda tentang kebimbangan ini.

- Kita komited untuk menyediakan maklumat yang tepat dan benar tentang produk untuk membolehkan pelanggan dan pengguna membuat pilihan bermaklumat. Jika dikehendaki oleh undang-undang tempatan, produk kita akan memasukkan maklumat negara asal. Maklumat tertentu, seperti sumber bahan-bahan produk, adalah sulit dan tidak boleh dikongsi dengan orang ramai.
- Anda harus menghubungi pengurus barisan hadapan anda untuk mengesahkan maklumat yang mungkin boleh dikongsi.

Kami terlibat secara bertanggungjawab dengan pelanggan dan pengguna

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami mengiktiraf nilai maklum balas untuk membolehkan kita memahami pelanggan dan pengguna, serta menambah baik produk, perkhidmatan dan aktiviti perniagaan.

Kami menangani maklum balas, permintaan atau pertanyaan daripada pelanggan dan pengguna dengan hormat dan berintegriti.



Apa patut saya buat?

- Laporkan dengan segera sebarang maklum balas, permintaan atau pertanyaan daripada pelanggan atau pengguna kepada pengurus barisan hadapan.
- Bertanggungjawab di atas kata-kata dan tindakan anda dalam berinteraksi dengan pelanggan dan pengguna.

Soalan

Seorang pelanggan telah meminta penghantaran yang lebih cepat. Saya rasa pelanggan itu terlalu mendesak. Saya ingin memberitahu pelanggan, tidak boleh, kerana saya terlalu sibuk.

Adakah ini betul?

Seorang pengguna telah menelefon untuk mengatakan bahawa mereka berasa tersinggung dengan iklan kita. Saya rasa pengguna itu terlalu sensitif.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita mesti melibatkan diri secara bertanggungjawab dengan pelanggan dan pengguna dan berinteraksi dengan mereka dengan penuh hormat. Anda tidak seharusnya bertindak terburu-buru tanpa pertimbangan yang sewajarnya.
- Anda harus menghubungi pengurus barisan hadapan anda untuk mempertimbangkan permintaan itu dengan wajar.

- Kita menghargai semua maklum balas daripada pengguna, dan kita mesti menangani mereka dengan hormat dan berintegriti.
- Anda harus menghubungi pengurus barisan hadapan atau pasukan perhubungan pengguna tempatan untuk mempertimbangkan isu yang diutarakan dengan wajar dan memutuskan maklum balas yang sesuai.

Pekerja

Kami memupuk budaya tempat kerja yang menyokong peningkatan diri dan syarikat

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

- 15 Kami menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan positif
- 16 Kami tidak bertolak ansur terhadap pembuli, diskriminasi atau
- 17 Kami mencari peluang untuk berkembang dan maju

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham



Kami menggalakkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan positif

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kenyataan awam mengesahkan bahawa "kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan awam sentiasa menjadi keutamaan kita". Setiap individu berhak bekerja dalam persekitaran kerja yang sihat, positif dan selamat.

Kami mempunyai langkah-langkah dalam memastikan tempat kerja adalah selamat dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar mengenai keselamatan tempat kerja.

Kami tidak akan bertolak ansur dengan penggunaan atau pemilikan dadah secara haram atau terkawal yang menjejaskan prestasi kerja yang selamat.

Setiap orang mempunyai peranan untuk menjaga dan mengekalkan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan positif, dan harus mengelakkan tindakan yang boleh membahayakan keselamatan atau keselamatan rakan sekerja, pelanggan atau pengguna.

Kita menggalakkan komunikasi yang berkesan di tempat kerja untuk memastikan kita semua memahami mesej dan maklumat terkini dalam perniagaan.



Apa patut saya buat?

- Memahami dan mematuhi keperluan keselamatan.
- Berusaha untuk mengekalkan kesihatan mental dan fizikal.
- Bekerja dengan cara yang menjamin keselamatan diri dan rakan sekerja.
- Berwaspada terhadap risiko kesihatan dan keselamatan serta berusaha untuk mencegah kemalangan, kecederaan dan penyakit.
- Proaktif dalam berkomunikasi dengan orang lain di tempat kerja.
- Laporkan dengan segera sebarang kemalangan atau kejadian di tempat kerja, pelanggaran dasar, piawaian atau undang-undang atau sebarang risiko lain terhadap kesihatan atau keselamatan kepada pengurus barisan hadapan.

Soalan

Mesin yang saya gunakan rosak dan produk kita telah mengalami kelewatan pengeluaran, jadi tiada masa untuk memperbaikinya.

Adakah ini betul?

Rakan sekerja baharu saya nampaknya tidak memahami atau menggunakan protokol keselamatan di tempat kerja. Saya bimbang tentang dia atau orang lain akan tercedera di tempat kerja.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Keselamatan warga kerja sentiasa menjadi keutamaan.
- Anda harus berhenti menggunakan mesin dengan segera dan melaporkan perkara itu kepada pengurus barisan hadapan..
- Anda harus mendekati rakan sekerja anda untuk memberitahu protokol keselamatan di tempat kerja dan menerangkan perkara yang perlu dilakukan. Jika mereka tidak mendengar maklum balas anda, anda harus merujuk kepada pengurus barisan hadapan atau pasukan HR untuk mendapatkan bantuan tambahan.

Kami tidak bertolak ansur terhadap pembuli, diskriminasi atau gangguan seksual

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

"Setiap individu adalah sama dan menjadi teras kepercayaan kami" seperti yang dinyatakan di sini

Kami menghormati dan menerima kepelbagaian rakan sekerja, yang menjadikan kami sebuah kumpulan korporat yang unik.

Kejayaan perniagaan kami bergantung kepada bakat pekerja, yang dipupuk melalui sifat hormat dan penghargaan.

Kami tidak menerima tingkah laku termasuklah pembuli, diskriminasi atau gangguan seksual, sama ada disengajakan atau tidak.

Takrifan buli secara amnya merangkumi tingkah laku tak munasabah yang menyebabkan risiko kepada kesihatan dan keselamatan mental atau fizikal pekerja.

Pekerja tidak boleh mendiskriminasi atau terlibat dalam apa-apa jenis gangguan lisan atau fizikal berdasarkan latar belakang. Latar belakang ini secara umumnya termasuk latar belakang etnik, kewarganegaraan, agama, bangsa, jantina, umur atau orientasi seksual.

Gangguan seksual secara amnya melibatkan sebarang tingkah laku yang tidak diingini atau tidak dihajati yang bersifat seksual yang membuatkan seseorang berasa tersinggung, terhina atau terganggu perasaan.

Kami sangat serius dalam menangani isu pembuli, diskriminasi dan gangguan seksual dan semua aduan tingkah laku sedemikian akan disiasat dengan teliti.



Apa patut saya buat?

- Layan semua orang secara adil, sama rata dan rasa hormat.
- Patuhi semua undang-undang dan peraturan serta dasar yang sesuai untuk mengawal tingkah laku di tempat kerja, termasuk larangan buli, diskriminasi dan gangguan seksual.
- Laporkan sebarang kejadian buli, diskriminasi atau gangguan seksual yang anda temui.

Soalan

Pengurus barisan hadapan saya membuat komen diskriminasi tentang wanita dalam mesyuarat dan mengatakan bahawa beliau tidak akan menaikkan pangkat wanita lagi.

Adakah ini betul?

Pengurus barisan hadapan saya tidak berpuas hati dengan prestasi saya dan telah mengadakan banyak pertemuan dengan saya di mana beliau memberitahu bahawa saya perlu membuat penambahbaikan. Dalam pertemuan terakhir tentang prestasi saya, beliau meninggalkan suara dan menghentak tangan di atas meja. Ia membuatkan saya berasa tidak selamat untuk berada bersama-sama beliau.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita tidak menerima tingkah laku yang berbentuk diskriminasi.
- Kita mengambil serius akan diskriminasi dan semua aduan mengenai diskriminasi akan disiasat dengan teliti.
- Anda harus membangkitkan kebimbangan kepada pasukan HR atau merujuk kepada saluran laporan yang terdapat di negara anda (rujuk muka surat 8) supaya disiasat dengan teliti.
- Walaupun maklum balas yang sah tentang prestasi pekerja dianggap sebagai tindakan pengurusan yang munasabah, maklum balas ini harus diberikan dengan cara yang terhormat dan tidak menakut-nakutkan.
- Anda harus membangkitkan kebimbangan kepada pasukan HR atau merujuk kepada saluran laporan yang terdapat di negara anda (rujuk muka surat 8).

Kami mencari peluang untuk berkembang dan maju

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat


Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami percaya bahawa pertumbuhan syarikat datang daripada sumbangan pekerja.

Kenyataan awam meringkaskan perkara ini dengan mengesahkan bahawa kami "belajar, membangun dan maju **BERSAMA-SAMA**".

Kami mengharapkan semua pekerja berusaha untuk memaksimumkan bakat mereka secara individu atau bersama rakan sekerja untuk mencapai Misi dalam "menceriakan kehidupan pengguna dengan menunaikan janji untuk menawarkan produk yang terbaik".



Apa patut saya buat?

- Sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki dan mencari peluang untuk mencapai matlamat yang lebih baik untuk maju dalam kerjaya.
- Berkongsi pengetahuan secara proaktif bersama pasukan dan mencari peluang pembelajaran untuk kejayaan bersama.

Soalan

Pengurus barisan hadapan meminta saya untuk berkongsi butiran dengan pasukan tentang projek yang saya gagal uruskan baru-baru ini, tetapi saya khuatir pasukan itu akan memandang rendah terhadap saya kerana kegagalan tersebut.

Apa patut saya buat?

Saya menghadiri persidangan industri baru-baru ini dan mendengar beberapa pembentangan hebat yang saya fikir pasukan saya juga akan mendapat manfaat daripadanya.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Tidak mengapa untuk melakukan kesilapan, asalkan kita sentiasa belajar daripadanya dan mengelakkannya pada masa hadapan. Kegagalan atau kesilapan adalah peluang berharga untuk memacu pertumbuhan dan memperkayakan pembelajaran kolektif kita.
- Anda harus bercakap dengan pengurus barisan hadapan anda tentang kebimbangan anda dan membincangkan cara terbaik untuk berkongsi pengalaman anda dengan pasukan.

- Kita mencari peluang secara individu dan berpasukan untuk bersama-sama menyumbang ke arah pertumbuhan syarikat.
- Anda harus bercakap dengan pengurus barisan hadapan anda tentang perkara yang anda dengar pada persidangan industri.

Masyarakat

Kami menyumbang ke arah kelestarian masyarakat menerusi perjalanan perniagaan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

- 19 Kami menghormati hak asasi manusia
- 20 Kami berusaha ke arah mengurangkan kesan alam sekitar dan mewujudkan nilai alam sekitar di kalangan masyarakat
- 21 Kami tidak bertolak ansur dengan rasuah, suapan atau sumbangan politik yang tidak wajar
- 22 Kami mensyaratkan tanggungjawab sosial korporat merentasi rantaian bekalan

Rakan kongsi

Pemegang Saham



Kami menghormati hak asasi manusia

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Penghormatan terhadap hak asasi manusia adalah asas kepada semua yang kita lakukan.

Seperti yang dinyatakan dalam Prinsip Hak Asasi Manusia Kumpulan Asahi, kami komited untuk menegakkan Prinsip Panduan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan menjalankan perniagaan mengikut piawaian antarabangsa berkaitan hak asasi manusia dan buruh.

Kami menghormati hak asasi manusia semua individu yang terlibat dalam operasi dan rantai nilai kami dan berusaha untuk mencegah pelanggaran hak asasi manusia.

Kami juga akan berusaha untuk menghalang daripada menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia oleh pembekal dan rakan kongsi perniagaan lain dengan meminta mereka memahami dan menerima pakai piawaian yang serupa berkenaan hak asasi manusia.

Kami komited untuk menegakkan tanggungjawab hak asasi manusia dalam komuniti tempat kami menjalankan perniagaan dan menyasarkan untuk menyumbang kepada masyarakat yang lestari.



Apa patut saya buat?

- Layan semua orang dengan hormat dan bermaruah.
- Patuhi proses dalaman untuk memastikan kita bekerjasama dengan pembekal dan rakan kongsi perniagaan lain yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan mengenai hak asasi manusia, termasuk yang berkenaan dengan perhambaan moden, buruh paksa dan buruh kanak-kanak.
- Pertimbangkan kesan tindakan dan keputusan anda terhadap hak asasi manusia yang terlibat dalam operasi dan rantai nilai kita.
- Suarakan jika anda melihat atau mendengar pelanggaran hak asasi manusia atau yang berpotensi di kalangan kita atau dikalangan pembekal dan rakan kongsi perniagaan yang lain.

Soalan

Saya telah diberitahu bahawa salah seorang pembekal utama kita tidak membayar pekerja mereka dengan sewajarnya dan enggan membayar kerja lebih masa yang sepatutnya. Saya teragak-agak untuk membangkitkan isu tersebut dengan pembekal kerana ia boleh menyebabkan mereka menaikkan harga mereka.

Apa patut saya buat?

Kami sedang mempertimbangkan untuk mendapatkan beberapa bahan mentah daripada pembekal baharu di luar negara, tetapi saya bimbang mereka menggunakan buruh kanak-kanak.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita mempunyai proses-proses yang bertujuan untuk menghalang sebarang pelanggaran hak asasi manusia dalam rantai bekalan, termasuk oleh pembekal kita sendiri.
- Anda harus membangkitkan kebimbangan ini dengan pengurus barisan hadapan anda untuk membincangkan cara terbaik untuk membangkitkan isu tersebut kepada pembekal.
- Kita berusaha untuk menghalang daripada menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia oleh pembekal, termasuk berkenaan dengan buruh kanak-kanak.
- Anda harus menyuarakan kebimbangan anda dengan pengurus barisan hadapan anda dan membincangkan perkara yang perlu dipenuhi sebelum mengambil mereka sebagai pembekal kita.

Kami berusaha ke arah mengurangkan kesan alam sekitar dan mewujudkan nilai alam sekitar di kalangan masyarakat

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami menyedari bahawa air dan produk pertanian adalah "hadiah daripada alam" yang penting untuk perniagaan. Aktiviti perniagaan Etika juga memberi kesan kepada alam sekitar secara global, termasuk pelepasan gas rumah hijau. Tanpa tindak balas terhadap perubahan iklim, memastikan sumber air, dan memelihara kepelbagaian biologi, syarikat ini tidak akan dapat meneruskan aktiviti perniagaannya.

Untuk menyerahkan "hadiah daripada alam" kepada generasi akan datang dan untuk meneruskan perniagaan, kami telah merumuskan Visi Alam Sekitar Kumpulan Asahi 2050, yang mana kami menyasarkan untuk mencapai Planet Positif, bermakna sifar kesan alam sekitar dan memaksimumkan impak positif terhadap persekitaran global, menjelang 2050.

Selaras dengan visi ini, kami berusaha untuk meminimumkan penggunaan sumber dan memaksimumkan kitaran di sepanjang rantai nilai, serta mewujudkan sinergi dengan membina perkongsian strategik dengan pihak berkepentingan.



Apa patut saya buat?

- Pertimbangkan kesan alam sekitar daripada tindakan dan keputusan anda dan guna pakai tindakan dan keputusan yang mengurangkan impak alam sekitar.
- Suarakan apabila anda melihat peluang untuk mengurangkan impak alam sekitar atau mencipta kesan positif.

Soalan

Saya bekerja untuk pemasaran dan pasukan saya sedang mempertimbangkan kempen yang menggunakan banyak barangan plastik yang tidak boleh dikitar semula. Kami mempertimbangkan untuk menggunakan bahan kitar semula, tetapi ia jauh lebih mahal daripada pilihan barangan yang tidak boleh dikitar semula. Kami mempunyai bajet yang ketat, jadi saya cenderung untuk mengikuti perancangan semasa.

Adakah ini betul?

Saya menghadiri persidangan industri dan seorang penceramah daripada pesaing bercakap mengenai teknologi baharu mereka yang mengurangkan impak alam sekitar. Saya fikir teknologi ini akan berfungsi dengan baik di tapak kilang kita.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Untuk mencapai Visi Alam Sekitar Kumpulan Asahi 2050, semua pekerja mempunyai tanggungjawab untuk mempertimbangkan impak alam sekitar daripada tindakan mereka dan mengambil tindakan untuk mengurangkan impak alam sekitar.
- Anda harus bercakap dengan pengurus barisan hadapan anda untuk membincangkan perancangan alternatif untuk kempen tersebut.

- Untuk mencapai Visi Alam Sekitar Kumpulan Asahi 2050, kami berusaha untuk meminimumkan penggunaan sumber dan memaksimumkan kitaran di sepanjang rantai nilai, serta mewujudkan sinergi dengan membina perkongsian strategik dengan pihak berkepentingan. Kami mencari inovasi bukan sahaja dalam industri sendiri, tetapi merentasi industri.
- Anda harus menyampaikan maklumat tersebut kepada pengurus barisan hadapan anda supaya teknologi baharu boleh dipertimbangkan.

Kami tidak bertolak ansur dengan rasuah, suapan atau sumbangan politik yang tidak wajar

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Sebagai sebuah syarikat global yang dipercayai, kami komited untuk menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab dan berkecuali dari segi politik.

Kami tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang bentuk rasuah atau suapan, secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga.

Ini bermakna kami tidak akan sekali-kali memberi, menerima, meminta, melibatkan diri, menawarkan, menjanjikan atau membenarkan sebarang rasuah kepada sesiapa sahaja (bukan sahaja pegawai kerajaan, tetapi juga entiti dan individu swasta).

Rasuah bermaksud apa-apa nilai yang diberikan atau diterima untuk mempengaruhi pertimbangan atau tindakan orang lain secara tidak wajar.

Rasuah termasuk “pembayaran wang pelincir”, yang merupakan pembayaran tidak rasmi kecil yang dibuat kepada pegawai kerajaan untuk mempercepatkan tindakan pentadbiran rutin, seperti pelepasan kastam, visa, permit atau lesen.

Untuk mengekalkan reputasi sebagai syarikat global yang dipercayai, adalah penting untuk kita mengelakkan tindakan yang boleh menimbulkan kecurigaan atau syak wasangka rasuah atau suapan, seperti pemberian hadiah atau hiburan yang mungkin melanggar undang-undang dan peraturan tempatan, atau yang melanggar kelaziman piawaian sosial yang diterima pakai. (Untuk lebih lanjut mengenai hadiah dan hiburan, rujuk muka surat 25).

Jika kami memutuskan untuk membuat sumbangan politik berkaitan dengan perkara politik yang sah yang berkaitan dengan perniagaan, kami akan mematuhi prosedur syarikat dan undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Apa patut saya buat?

- Patuhi dasar dan prosedur tempatan sekiranya menawarkan atau menerima apa-apa yang bernilai (seperti hadiah, hiburan, layanan dan sumbangan amal).
- Patuhi dasar dan prosedur tempatan apabila membuat sumbangan politik bagi pihak syarikat.
- Tolak sebarang tawaran atau permintaan untuk rasuah dan laporkan dengan segera.
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan mengenai rasuah atau derma.

Soalan

Baru-baru ini kami telah diperiksa oleh pengawal selia alam sekitar tempatan. Inspektor tersebut mencadangkan agar kami dikenakan tindakan ketidakpatuhan. Inspektor tersebut kemudian berkata, bahawa kami boleh mengelakkan ketidakpatuhan ini jika kami membayar kepada inspektor.

Apa patut saya buat?


Saya mahu syarikat menderma lebih banyak kepada calon politik tempatan tertentu kerana saya fikir ia akan lebih baik untuk perniagaan kita jika beliau terpilih.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita tidak akan terlibat dalam sebarang bentuk rasuah.
- Anda harus menolak permintaan daripada inspektor tersebut dan melaporkannya dengan segera kepada pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk tindakan selanjutnya.

- Apabila kita memutuskan untuk membuat sumbangan politik, kita harus mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar tempatan berkaitan sumbangan politik.
- Sila dapatkan nasihat daripada pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda tentang peraturan sumbangan politik.



Kami mensyaratkan tanggungjawab sosial korporat merentasi rantai bekalan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Untuk menyumbang kepada masyarakat yang lestari, kami percaya adalah menjadi tanggungjawab kami untuk mempromosikan tanggungjawab sosial korporat di seluruh rantai bekalan.

Kami akan memastikan rantai bekalan kami memahami keutamaan kami berhubung dengan tanggungjawab sosial korporat dan akan memantau pematuhan pada pembekal dan subkontraktor dengan undang-undang dan peraturan, dan juga dasar dan prosedur tentang hak asasi manusia, anti-rasuah dan perlindungan alam sekitar.

Jika kami mendapati sebarang pelanggaran oleh pembekal, kami akan segera mengambil tindakan untuk membetulkan keadaan.

Apa patut saya buat?

- Sentiasa menilai pembekal dan subkontraktor dan memantau pematuhan mereka dengan Kod Etika ini.
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan dalam rantai bekalan.

Soalan

Saya terdengar salah seorang rakan logistik kita membincangkan rasuah yang mereka telah bayar untuk mengelakkan pemandu mereka daripada dikenakan denda.

Saya menghantar soal selidik kepada pembekal untuk menilai pematuhan mereka terhadap Kod Etika ini, tetapi mereka mengatakan mereka terlalu sibuk, dan tidak menjawab soal selidik tersebut.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Anda harus merujuk perkara ini kepada pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk siasatan lanjut atau sebaliknya merujuk kepada saluran pelaporan yang terdapat di negara anda (rujuk muka surat 8).
- Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa menilai pembekal dan subkontraktor kita dan memantau pematuhan mereka terhadap Kod Etika ini.
- Anda harus berunding dengan pengurus barisan hadapan anda untuk membincangkan cara terbaik untuk mendapatkan maklum balas yang diperlukan daripada pembekal.
- Jika, selepas tindakan susulan, pembekal masih tidak bertindak balas tanpa sebab yang kukuh, anda harus mempertimbangkan untuk melaksanakan hak audit anda di bawah perjanjian pembekalan (jika ada) dan / atau menyemak semula hubungan dengan pembekal.



Rakan kongsi

Kami membina persefahaman yang menjana pertumbuhan bersama

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

- 25 Kami membina hubungan perniagaan yang sihat dengan rakan kongsi
- 26 Kami mematuhi dasar mengenai hadiah dan hiburan
- 27 Kami mencegah pengubahan wang haram dan hubungan dengan unsur jenayah terancang
- 28 Kami menyokong persaingan yang adil dalam pasaran
- 29 Kami mematuhi undang-undang sekatan, perdagangan dan kawalan eksport

Pemegang Saham



Kami membina hubungan perniagaan yang sihat dengan rakan kongsi

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami percaya bahawa hubungan perniagaan yang sihat dengan rakan kongsi adalah perkara yang membolehkan kami membina nilai untuk perniagaan kami dan perniagaan mereka.

Hubungan perniagaan yang sihat ialah hubungan di mana terdapat pemahaman yang sama tentang halatuju dan kewajipan di bawah Kod Etika ini dan mana-mana Kod Etika pembekal serta pemahaman untuk menanggapi sebarang isu dengan segera dan berintegriti.

Kami menilai kesesuaian rakan kongsi perniagaan dengan merujuk kepada keupayaan mereka untuk memenuhi keutamaan kami, dengan keselamatan dan kepercayaan pelanggan dan pengguna kami, diikuti dengan tawaran rakan kongsi perniagaan (termasuk harga dan kualiti) dan pematuhan mereka kepada keperluan di bawah Kod Etika ini.

Kami akan sentiasa melibatkan diri dengan rakan kongsi perniagaan untuk memastikan harapan kami difahami dan memastikan mereka mematuhi Kod Etika ini dan mana-mana Kod Etika pembekal yang berkenaan.



Apa patut saya buat?

- Patuhi prosedur dan peraturan syarikat apabila memilih rakan kongsi perniagaan.
- Pastikan terdapat komunikasi yang baik dengan rakan kongsi perniagaan.
- Sentiasa menilai rakan kongsi perniagaan kita dan memantau pematuhan mereka dengan Kod Etika ini dan mana-mana Kod Etika pembekal yang berkenaan.
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan mengenai rakan kongsi perniagaan kita.

Soalan

Saya bimbang pembekal mengambil mudah tentang keselamatan botol yang mereka keluarkan untuk kita.

Apa patut saya buat?

Saya sedang cuba bekerjasama dengan pembekal baharu yang kecil untuk bahan kritikal. Mereka tidak begitu canggi dan nampaknya tidak memahami Kod Etika ini.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita memberi tumpuan kepada keselamatan dan kualiti produk kita. Kita mengekalkan kepercayaan pelanggan dan pengguna dengan menyasarkan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang selamat, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi secara konsisten.
- Anda harus berhubung dengan pengurus barisan hadapan anda tentang kebimbangan anda. Pengurus barisan hadapan anda harus melibatkan diri dengan pasukan kualiti tempatan untuk mengenal pasti sebarang isu keselamatan yang berkaitan dengan botol. Sebaik sahaja maklumat itu diperolehi, pengurus perhubungan akan berhubung dengan pembekal yang berkaitan mengenai kebimbangan keselamatan untuk mencari penyelesaian.
- Hubungan perniagaan yang sihat memerlukan pemahaman bersama tentang harapan dan kewajipan di bawah Kod Etika ini.
- Anda harus berkomunikasi secara berkesan dengan pembekal yang dicadangkan untuk memastikan mereka memahami harapan kita mengenai keselamatan dan kualiti produk, serta elemen lain di dalam Kod Etika ini (termasuk perlindungan hak asasi manusia).

Kami mematuhi dasar mengenai hadiah dan hiburan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Walaupun kami menghargai bahawa hadiah dan hiburan mempunyai peranan untuk memupuk dan mengekalkan hubungan positif dengan rakan kongsi perniagaan, kami juga harus memahami bahawa pemberian atau penerimaan hadiah dan hiburan yang tidak sesuai boleh mengakibatkan hubungan perniagaan yang tidak sihat atau menyebabkan risiko rasuah. (Untuk maklumat lanjut mengenai rasuah, rujuk muka surat 21).

Untuk memastikan kita mengekalkan integriti perniagaan kita, adalah penting untuk kita mematuhi dasar berkaitan tentang hadiah dan hiburan dan hanya memberi atau menerima hadiah dan hiburan yang termasuk dalam amalan perniagaan yang diterima umum di setiap negara atau wilayah.



Apa patut saya buat?

- Patuhi dasar dan prosedur tempatan mengenai hadiah dan hiburan, termasuk pengisytiharan hadiah dan hiburan.
- Memberi dan menerima hadiah dan hiburan secara telus.
- Tolak sebarang tawaran untuk rasuah dan laporkan segera.

Soalan

Saya baru sahaja menyertai Etika dan tidak pasti apakah tahap hiburan yang diterima umum.

Apa patut saya buat?

Rakan sekerja saya bekerja untuk perolehan di negara lain dan memberitahu saya bahawa mereka telah dijemput untuk makan malam di restoran yang sangat mahal oleh pembekal. Mereka berkata ini adalah perkara biasa di negara mereka dan kakitangan perolehan lain juga menerima hiburan yang sama daripada pembekal, tetapi saya bimbang mereka mungkin terlibat dalam rasuah.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Adalah penting untuk kita hanya memberi atau menerima hadiah dan hiburan yang termasuk dalam amalan perniagaan yang diterima umum di setiap negara atau wilayah.
- Anda harus mematuhi dasar yang berkaitan tentang hadiah dan hiburan, dan jika dasar tersebut tidak jelas mengenai tahap hiburan yang diterima, anda harus berunding dengan pengurus barisan hadapan anda.

- Kita mesti sedar bahawa hadiah atau hiburan berisiko adalah tidak wajar dan adalah satu bentuk rasuah.
- Walaupun tahap hiburan yang diterima umum berbeza-beza mengikut negara, kita semua harus berhati-hati dalam memastikan tindakan kita konsisten dengan amalan tempatan, terutamanya apabila ia melibatkan pihak yang mengambil tender untuk membekalkan atau melaksanakan kerja untuk kita.
- Anda harus melaporkan perkara itu kepada pengurus barisan hadapan anda atau pasukan undang-undang / pematuhan untuk menyiasat perkara itu.

Kami mencegah pengubahan wang haram dan hubungan dengan unsur jenayah terancang

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami tidak akan terlibat dengan unsur jenayah terancang atau individu atau kumpulan yang terlibat dalam aktiviti haram, seperti pengubahan wang haram.

Kami berusaha untuk mengelak daripada digunakan oleh orang lain untuk pengubahan wang haram dan akan menjalankan pemeriksaan yang sewajarnya ke atas pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami.

Apa patut saya buat?

- Patuhi prosedur dan peraturan syarikat apabila memilih pelanggan dan rakan kongsi perniagaan.
- Perhatikan sebarang aktiviti yang mencurigakan oleh pelanggan dan rakan kongsi perniagaan dan segera laporkan sebarang kebimbangan mengenai pengubahan wang haram atau hubungan dengan unsur jenayah terancang.

Soalan

Seorang pelanggan telah memberitahu tentang pertukaran butiran akaun bank mereka kepada akaun bank luar pesisir tetapi enggan menjelaskan sebab perubahan itu.

Apa patut saya buat?

Terdapat khabar angin di pasaran bahawa pemilik pub yang berurusan dengan kami mempunyai kaitan dengan unsur jenayah terancang.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Menerima atau membayar dana ke dalam akaun luar pesisir mungkin menandakan transaksi yang berpotensi mencurigakan yang mungkin berkaitan dengan pengubahan wang haram.
- Anda harus bercakap dengan pengurus barisan hadapan anda dengan segera untuk menentukan tindakan yang sesuai.
- Kita berpegang teguh pada komitmen bahawa kita tidak akan mempunyai kaitan dengan unsur jenayah terancang atau individu atau kumpulan yang terlibat dalam aktiviti haram.
- Anda harus berunding dengan pengurus barisan hadapan anda dan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk mengesahkan sama ada pelanggan mempunyai kaitan dengan unsur jenayah terancang, dan jika ya, kita harus menamatkan hubungan kita dengan mereka.



Kami menyokong persaingan yang adil dalam pasaran

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami menyedari kepentingan persaingan yang adil dalam pasaran. Kami tidak akan terlibat dalam tingkah laku yang menghalang atau menghadkan persaingan yang adil atau menambah kebimbangan mengenai perlakuan kartel. Ini termasuk memberi atau menerima maklumat sensitif komersial tentang pesaing atau pembekal atau bersetuju untuk bertindak dengan berpakat bersama pesaing atau pembekal.

Kami tidak akan terlibat dalam penetapan harga jualan semula, mengenakan syarat kontrak yang tidak adil atau melakukan apa-apa tindakan yang melanggar undang-undang atau peraturan berkaitan persaingan yang adil di setiap wilayah atau negara tempat kami bekerja.

Di mana kami adalah dalam kedudukan mengetuai pasaran, kami akan lebih berhati-hati untuk memastikan tingkah laku kami tidak mengecualikan atau menyekat aktiviti perniagaan orang lain secara tidak adil.



Apa patut saya buat?

- Patuhi proses dan dasar yang bertujuan untuk memastikan kita mematuhi undang-undang dan peraturan serta dasar berkaitan persaingan.
- Patuhi dasar dan prosedur tempatan sekiranya berhubung secara langsung dengan pesaing.
- Tolak semua tawaran untuk aktiviti kartel.
- Berurusan secara adil dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan, terutamanya jika kita dalam kedudukan mengetuai pasaran.
- Suarakan jika anda melihat atau mendengar sebarang kecurigaan tentang pelanggaran undang-undang persaingan.

Soalan

Saya berada di majlis makan tengah hari industri dan wakil dari pesaing meminta untuk bercakap dengan saya tentang perkongsian pasaran. Mereka mencadangkan agar kita membahagikan pasaran kepada wilayah tertentu dan bersetuju untuk tidak menyasarkan wilayah masing-masing.

Apa patut saya buat?

Seorang pelanggan telah menghubungi saya tentang pesaing mereka mengurangkan harga produk kita. Mereka menegaskan supaya kita menetapkan harga minimum untuk produk kita bagi menghentikan perkara ini.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Perlakuan seperti ini dilarang sama sekali dan bertentangan dengan undang-undang persaingan yang adil.
- Jika pesaing mendekati anda untuk mencadangkan sesuatu seperti ini, anda harus menghentikan cadangan tersebut serta-merta dan menasihati mereka bahawa apa yang mereka cadangkan adalah menyalahi undang-undang dan anda tidak akan bercakap dengan mereka lebih lanjut. Anda harus beredar, ambil nota perbincangan dan kemudian maklumkan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda tentang perbincangan tersebut dan dapatkan nasihat mereka tentang langkah seterusnya.
- Menetapkan harga minimum untuk produk kita merupakan "Pengekalan Harga Jualan Semula", yang menyalahi undang-undang.
- Anda harus menasihati pelanggan bahawa menetapkan harga minimum adalah tidak dibenarkan.
- Anda juga harus membawa isu permintaan tersebut kepada pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk pemantauan / kesedaran.

Kami mematuhi undang-undang sekatan, perdagangan dan kawalan eksport

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Sebagai sebuah syarikat global yang dipercayai, kami komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan mengenai sekatan, perdagangan dan kawalan eksport.

Kami tidak akan menjalankan perniagaan dengan orang, entiti, kerajaan atau negara yang terlibat dalam kelakuan yang melanggar sekatan antarabangsa, sekatan atau sekatan perdagangan.

Apa patut saya buat?

- Berwaspada dengan keadaan hal ehwal antarabangsa kerana negara dan orang yang dikenakan sekatan sentiasa berubah.
- Patuhi dasar dan prosedur syarikat dalam mengenali pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan yang lain.
- Patuhi proses dan dasar yang bertujuan untuk memastikan kita mematuhi undang-undang, peraturan dan dasar berkaitan pergerakan barangan dan perkhidmatan di peringkat antarabangsa.
- Suarakan jika anda mempunyai sebarang kebimbangan atau ketidakpastian mengenai sekatan, kawalan perdagangan atau eksport.

Soalan

Saya percaya salah seorang pembekal utama kita dimiliki oleh seseorang dalam senarai sekatan.

Apa patut saya buat?

Kita mempunyai perniagaan eksport yang signifikan dengan negara yang tertakluk kepada sekatan antarabangsa. Jika kita hentikan eksport, kita tidak akan dapat mencapai sasaran jualan, jadi saya mahu meneruskan eksport.

Adakah itu betul?

Jawapan

- Kita tidak akan menjalankan perniagaan dengan entiti yang melanggar sekatan antarabangsa.
- Anda harus melibatkan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk menyiasat kebimbangan ini. Mereka akan mengambil tindakan yang perlu jika pemiliknya dikenal pasti berada dalam senarai sekatan.
- Kita komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan mengenai sekatan.
- Tidak kira apa kesannya terhadap sasaran jualan anda, anda mesti berhenti mengeksport produk ke negara tersebut jika ia melanggar sekatan antarabangsa, sekatan atau sekatan perdagangan.



Pemegang Saham

Kami meningkatkan nilai saham menerusi pertumbuhan untung berterusan dan lestari dan menggandakan pulangan pemegang saham

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

- 30 Kami melindungi jenama dan aset kami
- 31 Kami mengelak konflik kepentingan
- 32 Kami mengurus maklumat kami dengan selamat
- 33 Kami membuat pendedahan yang tepat pada masa yang sesuai dan adil
- 34 Kami melengkapkan pelaporan kewangan yang betul dan menyimpan rekod yang betul
- 35 Kami tidak terlibat dengan perdagangan orang dalam



Kami melindungi jenama dan aset kami

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Jenama kami adalah asas dalam membolehkan kami mencapai Misi untuk “menceriakan kehidupan pengguna dengan menunaikan janji untuk menawarkan produk yang terbaik”.

Kami komited untuk melindungi harta intelek jenama kami dan akan mengambil tindakan untuk melindungi kepentingan tersebut apabila perlu.

Sama seperti kita melihat nilai dalam melindungi harta intelek kita, kita juga mesti berhati-hati untuk tidak melanggar harta intelek orang lain.

Kita semua bertanggungjawab untuk melindungi aset syarikat kita, termasuk aset fizikal (seperti peralatan) dan bukan fizikal (seperti tanda dagangan).

Semua aset fizikal yang diamanahkan kepada kita, termasuk komputer riba, telefon bimbit, kenderaan kerja dan kad kredit korporat, hendaklah digunakan dengan berhati-hati dan secara efisien untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja, melainkan penggunaan lain dibenarkan oleh dasar tempatan.

Apa patut saya buat?

- Pertimbangkan cara kerja harian anda mungkin memberi impak kepada jenama kita.
- Pertimbangkan di mana kerja anda mungkin memerlukan perlindungan jenama kita dan pemahaman tentang harta intelek orang lain.
- Berhati-hati dengan jenama kita dan laporkan dengan segera kebimbangan tentang sebarang pelanggaran harta intelek dan jenama kita oleh pihak ketiga.
- Patuhi proses syarikat apabila berurusan dengan harta intelek kita, termasuk apabila membenarkan pihak ketiga menggunakan jenama kita.
- Patuhi dasar dan peraturan syarikat dalam menggunakan aset syarikat.
- Berusaha untuk mencegah penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran, kerosakan, kehilangan atau kecurian aset syarikat.
- Laporkan sebarang penyalahgunaan, penggunaan tanpa kebenaran, kerosakan, kehilangan atau kecurian aset syarikat mengikut dasar tempatan.

Soalan

Saya telah melihat bahawa salah seorang pesaing kita baru-baru ini telah melancarkan produk yang kelihatan serupa dengan salah satu produk utama kita, termasuk warna dan logo yang digunakan.

Apa patut saya buat?

Saya pergi ke kedai untuk membeli makanan haiwan peliharaan, tetapi menyedari bahawa saya telah terlupa dompet saya. Saya mempunyai kad kredit korporat bersama saya, jadi saya ingin menggunakannya untuk membayar makanan haiwan peliharaan tersebut.

Adakah itu betul?

Jawapan

- Kita komited untuk melindungi harta intelek, termasuk jenama kita dan akan mengambil langkah untuk melindungi kepentingan tersebut jika perlu.
- Anda harus mengemukakan kebimbangan anda dengan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda untuk siasatan dan tindakan jika perlu.
- Semua aset fizikal yang diamanahkan kepada kita, termasuk kad kredit korporat, hendaklah digunakan dengan berhati-hati dan secara efisien untuk tujuan perniagaan yang sah sahaja, melainkan penggunaan lain dibenarkan oleh dasar tempatan.
- Anda tidak seharusnya menggunakan kad kredit korporat anda untuk membayar perbelanjaan peribadi anda.



Kami mengelak konflik kepentingan

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kita mempunyai kewajiban untuk bertindak demi kepentingan terbaik syarikat.

Jika kita mempunyai konflik kepentingan, keupayaan kita untuk membuat keputusan yang saksama dan sah terganggu, dan ia berpotensi menyebabkan kerugian kepada syarikat. Malah persepsi konflik kepentingan boleh menyebabkan kemudaratan kepada reputasi kita.

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi anda bercanggah atau kelihatan bercanggah dengan tugas dan kewajiban anda terhadap syarikat dan keupayaan anda untuk bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan Etika .

Selaras dengan komitmen kita terhadap integriti, semua konflik kepentingan mesti didedahkan dan diuruskan mengikut dasar tempatan (jika berkenaan).



Apa patut saya buat?

- Pastikan anda mengelak sebarang konflik kepentingan dengan tugas anda, sebaik mungkin.
- Jika anda tidak dapat mengelak konflik kepentingan atau bimbang anda mungkin mempunyai konflik kepentingan, dedahkan ia mengikut prosedur konflik kepentingan tempatan atau jika prosedur tidak wujud, berunding dengan pasukan HR anda supaya ia boleh dinilai dan diurus oleh syarikat.
- Laporkan sebarang pelanggaran konflik kepentingan.

Soalan

Saya bekerja untuk pemasaran dan kami sedang berfikir untuk mengambil seorang perunding bagi menasihati kami tentang pola pengguna terkini. Abang saya adalah seorang perunding yang berpengalaman dalam bidang tersebut dan saya ingin mengekalkannya sebagai perunding kami.

Adakah itu betul?

Saya telah memulakan syarikat bertahun-tahun yang lalu membuat kordial tanpa alkohol. Saya tidak terlibat dalam penjualan atau pemasaran mana-mana minuman di Etika dan saya tidak terlibat dalam operasi harian syarikat kordial kecuali sebagai pemegang saham.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Mempunyai ahli keluarga anda sebagai rakan kongsi perniagaan kita berkemungkinan mengakibatkan konflik kepentingan, contohnya dalam rundingan kontrak dan sekiranya berlaku perbalahan.
- Anda harus mengikuti prosedur konflik kepentingan tempatan anda, atau jika tiada prosedur wujud, berundinglah dengan pasukan HR anda, supaya situasi anda boleh didedahkan dan diuruskan.
- Disebabkan anda bekerja dengan sebuah syarikat minuman, terdapat konflik sebenar atau yang mungkin dalam diri anda, dan anda juga mempunyai saham dalam syarikat minuman lain sehingga anda dapat memberikan pengaruh yang besar ke atas pengurusan syarikat minuman lain tersebut.
- Anda harus mengikuti prosedur konflik kepentingan tempatan anda, atau jika tiada prosedur wujud, berundinglah dengan pasukan HR anda, supaya situasi anda boleh didedahkan dan diuruskan.

Kami mengurus maklumat kami dengan selamat

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami menyedari bahawa keselamatan maklumat adalah bahagian penting dalam kejayaan perniagaan kami. Sebagai syarikat yang dipercayai, kami juga memahami kepentingan melindungi maklumat pelanggan dan pengguna yang mungkin kami simpan.

Kami akan melindungi maklumat sulit (seperti dokumen perniagaan sulit, resipi, formulasi, proses dan pengetahuan berkaitan produk dan perkhidmatan) serta sebarang maklumat peribadi yang kami simpan berkaitan dengan pelanggan, pengguna, rakan kongsi perniagaan atau pekerja.

Apabila diamanahkan dengan maklumat peribadi, kami akan mematuhi undang-undang privasi yang terpakai berkaitan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan sebarang maklumat peribadi.

Jika kami menyedari bahawa maklumat peribadi atau maklumat sulit telah dikompromi, kami akan bertindak balas dengan pantas dan meminimumkan akses yang tidak wajar kepada maklumat itu sebaik mungkin.

Kami memahami kesan media sosial dan akan terlibat dengannya mengikut prosedur syarikat serta mengambil maklum bahawa media sosial dalam talian membentuk arena awam.



Apa patut saya buat?

- Patuhi prosedur syarikat dalam mengurus maklumat sulit, termasuk maklumat peribadi secara khusus.
- Berhati-hati dan ikuti prosedur syarikat apabila menggunakan media sosial dan tradisional.
- Segera laporkan sebarang kebocoran maklumat sulit, termasuk maklumat peribadi.

Soalan

Saya perlu memindahkan data rekod pekerja ke dalam USB, tetapi saya bimbang tentang keselamatan.

Apa patut saya buat?

Saya telah dimaklumkan bahawa salah seorang pembekal kita telah digodam dan butiran terma kontrak dengan mereka telah didedahkan.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita mengutamakan perlindungan maklumat sulit, termasuk data peribadi pekerja.
- Anda harus melibatkan pasukan IT tempatan anda untuk memahami pilihan bagi melindungi maklumat sulit ini.
- Apabila kita menyedari bahawa maklumat sulit kita telah dikompromi, kita mesti bertindak pantas untuk meminimumkan akses yang tidak wajar dan menghadkan bahaya yang disebabkan oleh pendedahan maklumat yang tidak wajar ini.
- Anda harus melibatkan pasukan IT tempatan anda serta pasukan undang-undang / pematuhan tempatan untuk menyiasat isu ini dan libatkan juga pembekal.

Kami membuat pendedahan yang tepat pada masa yang sesuai dan adil

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Salah satu cara untuk membina kepercayaan dengan pemegang saham kita adalah melalui pendedahan maklumat korporat yang tepat pada masanya, sesuai dan adil. Ini membolehkan pemegang saham kita menilai syarikat dengan tepat.

Kita mesti berhati-hati dalam mengendalikan maklumat bukan awam dan memastikan maklumat tersebut didedahkan mengikut undang-undang dan peraturan yang terpakai.

Apa patut saya buat?

- Patuhi undang-undang dan peraturan berkaitan pendedahan maklumat korporat.
- Laporkan dengan segera sebarang kebimbangan mengenai pendedahan maklumat bukan awam.

Soalan

Saya ternampak rakan sekerja menyiarkan ulasan di media sosial yang merujuk kepada pembelian akan datang oleh syarikat kita untuk perniagaan lain. Maklumat ini belum didedahkan kepada umum.

Apa patut saya buat?


Seorang pelabur menelefon untuk meminta prospek terkini kami untuk sukuan seterusnya.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kita mesti mematuhi keperluan pendedahan dan tidak boleh mendedahkan maklumat bukan awam, sama ada tersurat atau tersirat, sebelum ia dijadikan umum.
- Anda harus menasihati rakan sekerja anda supaya segera memadamkan hantaran media sosial itu dan kemudian berinteraksi dengan pasukan undang-undang / pematuhan tempatan anda supaya mereka boleh menyiasat dan mengurus isu tersebut.

- Kami komited untuk membuat pendedahan yang adil, yang bermaksud bahawa kita melayan semua pemegang saham secara sama rata dari segi pendedahan maklumat.
- Anda tidak boleh mendedahkan prospek terkini kita untuk sukuan seterusnya kepada pelabur jika ia belum disediakan kepada pelabur lain juga.



Kami melengkapkan pelaporan kewangan yang betul dan menyimpan rekod yang betul

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat


Rakan kongsi

Pemegang Saham

Kami mengekalkan kepercayaan pihak berkepentingan dengan mengekalkan pelaporan kewangan dan penyimpanan rekod yang betul.

Kami akan menjalankan perakaunan mengikut undang-undang dan piawaian perakaunan yang terpakai serta memastikan pelaporan kewangan yang tepat dan boleh dipercayai.

Kami akan mencipta dan menyimpan dokumen dan rekod perniagaan yang sesuai yang menyokong dokumen dalam membuat keputusan dan pertimbangan mengikut peraturan syarikat yang berkenaan.



Apa patut saya buat?

- Patuhi undang-undang dan peraturan mengenai pelaporan kewangan dan penyimpanan rekod.
- Patuhi peraturan syarikat dalam membuat dan menyimpan dokumen dan rekod.
- Laporkan dengan segera sebarang kecurigaan penipuan atau sebarang permintaan untuk terlibat dalam aktiviti penipuan.

Soalan

Saya bekerja untuk kewangan dan nampaknya kami tidak akan dapat memenuhi sasaran kewangan untuk tahun ini, tetapi pengurus barisan hadapan saya enggan menerima keputusan sedemikian dan telah meminta saya menyemak semula kewangan dan jadikannya kelihatan lebih baik.

Apa patut saya buat?

Rakan sekerja saya memberitahu saya bahawa mereka risau pengurus barisan hadapan mereka terlibat dalam aktiviti penipuan, tetapi mereka takut membangkitkan isu tersebut kerana risiko tindakan balas.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Kami komited untuk menjalankan perakaunan mengikut undang-undang dan piawaian perakaunan yang terpakai dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang penipuan.
- Anda harus menolak untuk melakukan apa-apa yang menyimpang daripada pelaporan kewangan yang betul dan merujuk kepada saluran pelaporan yang terdapat di negara anda (rujuk muka surat 8).
- Kita tidak bertolak ansur dengan sebarang aktiviti penipuan.
- Adalah menjadi kewajipan setiap pekerja untuk melaporkan sebarang kecurigaan penipuan yang mereka temui atau dengar.
- Anda harus memberitahu rakan sekerja anda bahawa mereka harus melaporkan perkara itu menggunakan saluran pelaporan yang tersedia di negara anda yang mungkin termasuk pelaporan tanpa nama jika itu lebih disukai (rujuk muka surat 8) dan mereka harus yakin bahawa tindak balas yang sebenar atau ancaman terhadap mana-mana pekerja yang melaporkan dengan jujur tidak akan ditoleransi.
- Jika rakan sekerja anda masih teragak-agak untuk menggunakan saluran pelaporan, anda harus melaporkan perkara itu sendiri menggunakan saluran pelaporan yang terdapat di negara anda (rujuk muka surat 8).

Kami tidak terlibat dengan perdagangan orang dalam

Pengenalan

Pelanggan

Pekerja

Masyarakat

Rakan kongsi

Pemegang Saham

Dalam menjalankan kerja anda, anda mungkin menjumpai maklumat penting bukan awam tentang Kumpulan Syarikat Etika, anak syarikatnya atau syarikat tersenarai lain atau anak syarikat mereka.

Contoh maklumat bukan awam yang penting termasuk maklumat kewangan, pembangunan produk atau perkhidmatan baharu, cadangan pelupusan, pemerolehan, usaha sama atau penggabungan, siasatan kerajaan dan perubahan dalam pengurusan kanan.

Maklumat adalah dianggap bukan umum melainkan jika ia telah didedahkan secukupnya kepada umum. Contoh pendedahan yang rasmi termasuk pemfailan awam dengan pihak berkuasa pengawalseliaan sekuriti dan pengeluaran siaran akhbar syarikat.

Adalah menjadi kewajipan anda untuk tidak membeli atau menjual saham berdasarkan maklumat bukan awam tersebut.

Anda juga harus memastikan bahawa anda merahsiakan maklumat untuk mencegah perdagangan orang dalam oleh orang lain.



Apa patut saya buat?

- Jangan membeli atau menjual saham apabila memiliki bahan maklumat bukan awam.
- Jangan meminta atau mengesyorkan orang lain untuk membeli atau menjual saham apabila memiliki bahan maklumat bukan awam.
- Pastikan semua bahan maklumat bukan awam benar-benar sulit dan hanya berkongsi maklumat dengan rakan sekerja dan pihak ketiga setakat yang perlu, dengan akujanji kerahsiaan yang sesuai disediakan.
- Suarakan jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai perdagangan orang dalam.

Soalan

Saya terdengar rakan sekerja bercakap tentang pemerolehan perniagaan sulit yang akan datang. Kakak saya memiliki saham dalam syarikat yang ingin diambil alih tersebut. Saya ingin memberitahu dia agar membeli lebih saham lagi.

Adakah itu betul?

Rakan saya yang bekerja dengan bank pelaburan bertanya kepada saya sama ada terdapat sebarang tawaran hangat di syarikat saya. Saya bekerja di bahagian strategi jadi saya mengetahui pelbagai maklumat bukan awam yang penting.

Apa patut saya buat?

Jawapan

- Anda tidak boleh menggunakan maklumat bukan awam untuk manfaat anda sendiri atau orang lain.
- Anda tidak boleh berkongsi maklumat perniagaan sulit dengan kakak anda demi kepentingannya.

- Anda tidak boleh meminta atau mengesyorkan orang lain untuk membeli atau menjual saham apabila memiliki bahan maklumat bukan awam.
- Anda harus memberitahu rakan anda bahawa anda tidak boleh mendedahkan maklumat bukan awam.

Kod Etika ini berkuat kuasa mulai 15 Feb 2025 dan menggantikan mana-mana versi Kod Etika Kumpulan Etika sebelum ini.